

## **ANALISIS KADAR PERNIKAHAN, PERCERAIAN DAN RUJUK DI KALANGAN MASYARAKAT ISLAM DI SELANGOR KE ARAH PENGUKUHAN KELUARGA ISLAM DI MALAYSIA**

Nora`inan Bahari

Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Islam Selangor

Emel: [norainan@uis.edu.my](mailto:norainan@uis.edu.my)

Azizah Mohd. Rapini

Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Islam Selangor Putra Malaysia

E-mel: [azizah@uis.edu.my](mailto:azizah@uis.edu.my)

Norziah Othman

Fakulti Ekonomi, Perakaunan dan Pengurusan, Universiti Islam Selangor

E-mel: [norziah@uis.edu.my](mailto:norziah@uis.edu.my)

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis kadar pernikahan, perceraian dan rujuk dalam kalangan masyarakat Islam di Negeri Selangor bagi tahun 2024, sebagai asas kepada usaha memperkukuhkan institusi keluarga Islam di Malaysia. Statistik rasmi yang diterima memfokuskan kepada corak penceraian mengikut tempoh perkahwinan, umur pasangan dan negeri perkahwinan. Kajian ini turut mengambil kira kepentingan memahami faktor-faktor awal yang menyumbang kepada ketidakstabilan rumah tangga bagi membolehkan intervensi lebih berfokus dilaksanakan. Hasil dapatan menunjukkan bahawa tempoh awal perkahwinan, khususnya dalam sepuluh tahun pertama, merupakan tempoh paling kritikal kepada ketahanan sesebuah rumah tangga. Daripada 496 kes perceraian yang direkodkan, majoritinya melibatkan pasangan yang berkahwin kurang daripada lima tahun, diikuti oleh mereka yang berkahwin antara lima hingga sepuluh tahun. Ini mencerminkan bahawa fasa awal perkahwinan memerlukan sokongan dan bimbingan yang berterusan bagi mengukuhkan hubungan suami isteri. Daripada sudut umur, kebanyakan pasangan yang bercerai berada dalam lingkungan umur 31 hingga 40 tahun, iaitu fasa kehidupan yang sering kali dipenuhi dengan tekanan ekonomi, kerjaya dan tanggungjawab keibubapaan. Keadaan ini berupaya memberi kesan negatif terhadap perkembangan anak-anak, walaupun pada usia yang masih kecil. Selain itu, majoriti perceraian berlaku dalam kalangan pasangan yang berkahwin di Selangor, menunjukkan perlunya pendekatan lokal yang lebih komprehensif. Kajian ini mencadangkan agar program pembangunan keluarga Islam ditambah baik melalui bimbingan pra perkahwinan, sokongan psikososial, dan intervensi pasca perkahwinan yang menyeluruh.

**Kata Kunci:** Perkahwinan; Perceraian; Intervensi; rujuk; Pengukuhan keluarga

### **1. PENGENALAN**

Negeri Selangor merupakan negeri yang terletak di tengah-tengah Semenanjung Malaysia yang menjadi nadi kepada aktiviti pembangunan ekonomi melalui pelbagai sektor terutama sektor industri. Oleh yang demikian, kedudukannya yang sangat strategik sebagai ‘lubuk rezeki’ menjadi daya tarik kepada kepesatan pembangunan ekonomi dan sosio-budaya tempatan. Populasi yang tinggi di negeri Selangor menggambarkan pencernaan institusi kekeluargaan dari segenap lapisan masyarakat pelbagai kaum ke arah pembentukan masyarakat yang harmoni. Keutuhan institusi kekeluargaan banyak membantu ke arah kestabilan ekonomi melalui sumbangan tenaga, sokongan dan komitmen semua pihak terutama ahli dalam sesebuah keluarga. Keluarga yang dibina atas asas toleransi, kesefahaman dan penghayatan agama yang tinggi akan melahirkan generasi yang boleh meneruskan usaha memperkukuh institusi kekeluargaan untuk kestabilan jentera pembangunan negara. Walau bagaimanapun kajian-kajian terdahulu pernah merumuskan walaupun negeri Selangor merupakan negeri yang pesat membangun, kadar perceraian yang direkodkan mencatatkan kadar

yang lebih tinggi berbanding negeri-negeri lain yang boleh menyumbang ke arah keruntuhan institusi kekeluargaan.

Mariam (2017) telah merumuskan ‘trend’ peningkatan kes cerai yang jelas di negeri Selangor dalam tempoh lima tahun dari tahun 2011 hingga 2015 berbanding dengan negeri-negeri yang lain. Peningkatan kes cerai dalam kalangan orang Islam di Selangor adalah disebabkan faktor yang pelbagai terutama faktor pengabaian tanggungjawab, masalah komunikasi dan masalah keruntuhan nilai akhlak suami atau isteri. Secara tidak langsung menunjukkan bahawa peningkatan kadar perceraian dalam kalangan masyarakat Islam dipengaruhi oleh gabungan faktor sosial dan agama. Abdul Karim (2024) telah merumuskan faktor lain yang menyebabkan berlaku perceraian iaitu pengaruh media sosial, perubahan nilai sosial dan konflik peranan gender yang turut menyumbang kepada ketidakstabilan perkahwinan. Kekurangan pendidikan agama yang mendalam menambahkan lagi risiko keruntuhan institusi kekeluargaan apabila pasangan tidak memahami tanggungjawab dan hak mereka dalam perkahwinan di samping kelemahan institusi sosial dan agama dalam menyediakan sokongan yang relevan.

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis kadar pernikahan, perceraian dan rujuk dalam kalangan masyarakat Islam di Selangor bagi tahun 2024. Kajian ini akan merujuk kepada statistik-statistik terkini pernikahan, perceraian dan rujuk yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Agama Islam Selangor dan Jabatan Kehakiman Syariah Selangor sebagai dua agensi penting dalam menerima sebarang permohonan nikah, cerai dan rujuk. Diharapkan hasil kajian ini dapat mencetuskan kaedah intervensi yang relevan dalam mengurangkan kadar perceraian di negeri Selangor seterusnya dapat membantu kerajaan negeri terutamanya untuk memperkukuh institusi kekeluargaan Islam.

## 2. METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif deskriptif yang menggunakan data sekunder diperoleh daripada sumber rasmi tahun 2024 yang dikumpulkan melalui agensi berkaitan hal ehwal Islam dan institusi kehakiman syariah di Negeri Selangor. Analisis dilakukan terhadap 496 kes penceraian yang direkodkan sepanjang tahun tersebut. Data dianalisis berdasarkan tiga dimensi utama: tempoh perkahwinan sebelum perceraian berlaku, umur pasangan semasa perceraian dan negeri pasangan berkahwin. Dapatan dianalisis secara perbandingan dan disokong dengan inferens terhadap potensi ketidakstabilan keluarga serta kesannya terhadap kesejahteraan institusi keluarga Islam.

## 3. DAPATAN DAN PERBINCANGAN

### 3.1 Statistik Cerai dan Rujuk di Selangor

Berdasarkan data tahun 2024, jumlah perkahwinan yang direkodkan di Negeri Selangor adalah sebanyak 23,471 kes, manakala kes perceraian pula berjumlah 496 kes. Dalam tempoh yang sama, terdapat 82 pasangan yang mengambil keputusan untuk rujuk semula selepas bercerai.

**Jadual 2: Taburan Kekerapan Cerai dan Rujuk di Negeri Selangor bagi Tahun 2024**

| NIKAH  | CERAI | RUJUK | KEKAL CERAI | KEKAL NIKAH |
|--------|-------|-------|-------------|-------------|
| 23,471 | 496   | 82    | 414         | 23,057      |

Daripada keseluruhan kes perceraian, 414 pasangan kekal berpisah (kekal cerai), manakala 23,057 pasangan kekal dalam perkahwinan mereka (kekal nikah). Nisbah antara pasangan yang kekal bercerai berbanding pasangan yang kekal berkahwin ialah 1:56, menunjukkan bahawa untuk setiap satu pasangan yang kekal bercerai, terdapat 56 pasangan yang berjaya mempertahankan perkahwinan mereka.

### 3.2. Statistik Jenis Kes Penceraian

Statistik jenis kes perceraian yang dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) bagi tahun 2024 menunjukkan bahawa kes perceraian paling tinggi melibatkan lafaz cerai biasa, iaitu sebanyak 8,561 kes. Ia diikuti oleh pengesahan lafaz cerai (4,437 kes), kes fasakh (654 kes), kes taklik (67 kes) dan kes khuluk (27 kes).

**Jadual 2: Statistik Jenis Kes Penceraian Tahun 2024**

| BIL | JENIS KES PENCERAIAN   | KEKERAPAN     |
|-----|------------------------|---------------|
| 1   | FASAKH                 | 654           |
| 2   | PENGESAHAN LAFAZ CERAI | 4437          |
| 3   | PENCERAIAN             | 8561          |
| 4   | KHULUK                 | 27            |
| 5   | TAKLIK                 | 67            |
|     | <b>JUMLAH</b>          | <b>13,746</b> |

Secara keseluruhan, terdapat sebanyak 13,746 kes berkaitan perceraian direkodkan dalam pelbagai kategori sepanjang tahun 2024. Data ini memberikan gambaran tentang keperluan kepada usaha pencegahan, pemulihan rumah tangga dan intervensi awal bagi mengurangkan kadar perceraian dalam kalangan pasangan di Negeri Selangor.

### 3.3. Penceraian mengikut Tempoh Perkahwinan

Daripada jumlah keseluruhan 496 kes perceraian yang direkodkan pada tahun 2024, majoriti pasangan yang bercerai adalah mereka yang telah berkahwin kurang daripada 5 tahun, dengan jumlah sebanyak 220 kes. Ini diikuti oleh pasangan yang telah berkahwin antara 5 hingga 10 tahun (219 kes), manakala hanya 57 kes melibatkan pasangan yang telah berkahwin lebih daripada 10 tahun.

**Jadual 3: Statistik Penceraian mengikut Tempoh Perkahwinan bagi Tahun 2024**


| TEMPOH PERKAHWINAN | KEKERAPAN  | PERATUS KEKERAPAN |
|--------------------|------------|-------------------|
| BAWAH 5 TAHUN      | 220        | 44.35             |
| 5 - 10 TAHUN       | 219        | 44.15             |
| 10 TAHUN KE ATAS   | 57         | 11.60             |
| <b>JUMLAH</b>      | <b>496</b> | <b>100</b>        |

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tempoh awal perkahwinan, khususnya 10 tahun pertama, merupakan fasa kritikal yang paling berisiko terhadap perceraian.

Daripada keseluruhan 496 kes perceraian yang direkodkan, kumpulan umur 31 hingga 40 tahun mencatatkan peratusan tertinggi, iaitu 200 kes melibatkan suami (Rajah 1) dan 187 kes melibatkan


isteri (Rajah 2). Ini diikuti oleh pasangan berumur 41–50 tahun dan 21–30 tahun. Dapatan ini menunjukkan bahawa penceraian paling banyak berlaku dalam kalangan pasangan muda dewasa yang berada dalam fasa awal hingga pertengahan kehidupan rumah tangga. Fasa umur 31–40 tahun merupakan tempoh apabila pasangan biasanya menghadapi tekanan ekonomi, pengurusan anak-anak kecil, ketidakseimbangan kerja-rumah tangga, dan konflik komunikasi. Tekanan ini sering mencetuskan salah faham dan konflik yang, jika tidak ditangani dengan kemahiran pengurusan emosi dan sokongan sosial, boleh menyebabkan keruntuhan rumah tangga.

**Rajah 1. Statistik Penceraian mengikut Umur Suami**



Dalam kalangan pasangan berumur 21–30 tahun, khususnya isteri, angka penceraian yang tinggi (114 kes) juga membayangkan isu ketidakmatangan emosi, perkahwinan awal tanpa persediaan mental dan spiritual, serta realiti rumah tangga yang tidak seperti dijangka. Pasangan muda dalam kategori ini mungkin masih menyesuaikan diri dengan peranan suami dan isteri, serta kurang memiliki daya tahan dalam menghadapi cabaran hidup berumah tangga. Sebaliknya, penurunan kes dalam kalangan pasangan berumur 51 tahun ke atas mungkin menunjukkan bahawa pasangan dalam kelompok ini lebih stabil dari segi emosi, ekonomi dan sosial, atau mereka memilih untuk kekal bersama atas faktor anak-anak, umur lanjut atau nilai tradisional.

**Rajah 2. Statistik Penceraian mengikut Umur Isteri**



**Jadual 4: Statistik Penceraian mengikut Negeri Perkahwinan bagi Tahun 2024**

| NEGERI PERKAHWINAN | KEKERAPAN | PERATUS KEKERAPAN |
|--------------------|-----------|-------------------|
| SELANGOR           | 449       | <b>90.52</b>      |
| LUAR SELANGOR      | 23        | <b>4.64</b>       |
| LUAR NEGARA        | 24        | <b>4.84</b>       |
| JUMLAH             | 496       | <b>100.00</b>     |

Berdasarkan negeri perkahwinan, 90.52 peratus (449 daripada 496 kes) penceraian melibatkan pasangan yang berkahwin di Negeri Selangor, manakala hanya 4.64 peratus atau 23 pasangan berkahwin di luar Selangor dan 4.84 peratus atau 24 lagi berkahwin di luar negara. Ini membuktikan bahawa penceraian di Selangor sebahagian besarnya terjadi dalam kalangan pasangan yang turut melangsungkan perkahwinan mereka di negeri ini. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk pendekatan lokal dalam menangani isu ini melalui bimbingan pra perkahwinan, sokongan awal perkahwinan dan intervensi kekeluargaan yang bersesuaian.

#### 4. KESIMPULAN

Analisis statistik nikah, cerai dan rujuk (NCR) negeri Selangor bagi tahun 2024 MENUNJUKKAN bahawa masih ramai pasangan yang kekal dalam perkahwinan (98%) termasuk yang rujuk semula selepas bercerai. Perceraian juga dilakukan secara sah mengikut hukum dan undang-undang. Bagaimanapun oleh kerana kesan perceraian yang negatif seperti pengabaian nafkah, pendidikan agama dan sosial maka intervensi yang berkesan perlu dilakukan bagi mengelakkan semaksima mungkin perceraian daripada berlaku.

#### 5. PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan pihak Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) yang telah memberikan kepercayaan melakukan analisis data berkaitan perkahwinan, perceraian dan rujuk bagi masyarakat Islam di negeri Selangor.

#### 6. RUJUKAN

- Abdul Karim Ibrhim, Mohd Sabree Nasri & Khairul Ikhwan @ Mohd Fithri Khoza.(2024). Pengaruh Faktor Sosial dan Agama Dalam Peningkatan Kadar Perceraian: Peranan Institusi Sosial Dalam Menyokong Perkahwinan. *Jurnal Sains Sosial*, 9(1), 90-104.
- Mariam Abd. Majid & Mohammad Syafirul Zarif Saleh Hudin. (2017). Trend dan faktor perceraian rumah tangga di negeri Selangor dari tahun 2011 hingga 2015. *Jurnal al-IRSYAD*. 2(2):40-53. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v2i2.17>
- Wahbah al-Zuhayli. (2001). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Diterjemah oleh Syed Ahmad Syed Hussain et.al. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka